

20 JUN 1998

Mahathir-senarai

PEMIMPIN UMNO TERIMA SENARAI PENERIMA PROJEK PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini parti itu telah mengeluarkan senarai penerima projek-projek penswastaan bagi mengelak tuduhan bahawa kerajaan mengamalkan nepotisme dan kronisme.

"Boleh dikatakan bilangan mereka beratus-ratus dan agak jelas bahawa mereka bukanlah kroni-kroni kami (beliau dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim).

"Mungkin kami kenal di antara mereka tetapi tidak mungkin kami mempunyai hubungan rapat dengan mereka kecuali anda mentafsirkan kroni-kroni sebagai sesiapa pun yang mendapat apa-apa daripada kerajaan," kata Dr Mahathir pada satu sidang berita di akhir hari kedua perhimpunan agung Umno di sini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai senarai itu yang diedarkan kepada ketua-ketua Umno bahagian pada perhimpunan itu hari ini.

"Itu satu permulaan," kata beliau dan menambah parti itu akan mengeluarkan senarai yang kedua mengandungi nama-nama mereka yang menerima peruntukan saham, permit kelulusan mengimport kenderaan (AP) dan lesen-lesen.

"Semuanya akan didedah supaya kita tahu siapa sebenarnya yang mendapat manfaat daripada dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengapa senarai itu diedarkan sekarang, Dr Mahathir berkata Umno telah dituduh mengamalkan nepotisme dan kronisme.

"Kita akan lihat dari senarai itu siapa yang mendapat faedah, sama ada mereka kroni-kroni atau anak lelaki atau anak perempuan pemimpin-pemimpin," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi telah mendakwa nepotisme dan kronisme diamalkan dalam pemberian sesetengah projek-projek penswastaan. Media asing dan pihak pembangkang telah menuduh kerajaan dengan amalan itu.

Mengenai sama ada senarai itu mengandungi nama-nama mereka yang mempunyai hubungan persaudaraan atau kaitan dengan pemimpin-pemimpin kanan Umno, Dr Mahathir berkata: "ya, ada. tetapi mereka bukan istimewa, mereka sama seperti orang lain yang berniaga, mereka juga layak tetapi bukan diberikan oleh pemimpin Umno."

Katanya amalan parti ialah sekiranya mana-mana saudara kepada pemimpin yang terlibat, pemimpin berkenaan tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam membuat keputusan siapa yang mendapat projek-projek penswastaan.

"Ia bukanlah bermakna orang tertentu diberi kesemuanya. Semua orang sama-sama mendapat bahagian," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata senarai mereka yang mendapat projek-projek swasta sebenarnya boleh didapati dari Pendaftar Syarikat.

Senarai itu bukan maklumat rahsia, tetapi orang awam lebih berminat untuk membuat andaian mereka sendiri mengenai kronisme dan nepotisme dalam kerajaan, katanya.

"Kita tidak bersalah dengan kronisme dan nepotisme walaupun ini tidak bermakna kita mesti mengenyahkan seseorang hanya kerana dia ada hubungan dengan pemimpin. Kalau dia ada kebolehan dia berhak seperti orang lain juga," katanya.

Perdana Menteri berkata senarai itu diperolehi daripada Unit Perancang

Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Mengenai kemungkinan ada nama-nama yang tertinggal (dalam senarai itu) beliau berkata: "saya tak tahu sama ada tertinggal atau tidak tetapi kita minta semua termasuk nama anak saya..."

Mengenai bila senarai yang kedua itu akan dikeluarkan, beliau berkata: "Kita sedang siapkan butir-butir ini. Esok kita akan release (keluarkan) lebih banyak."

Dr Mahathir berkata bukan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengeluarkan senarai nama-nama itu secara berkala dan menambah kata ia dikeluarkan semasa perhimpunan agung Umno itu kerana nepotisme dan kronisme menjadi isu hangat sekarang.

Mengenai sama ada pemberian kontrak secara langsung kepada sesuatu pihak sahaja tanpa mengeluarkan tender akan diteruskan bagi projek-projek tertentu, beliau berkata apabila sesuatu pihak membuat cadangan yang memakan belanja besar, adalah tidak wajar projek itu diberi kepada orang lain.

"Dia diberi keutamaan melainkan kita tidak setuju dengan cadangannya itu. Projek itu kemudiannya mungkin ditawarkan kepada orang lain tetapi setiap kali kerajaan membuat tawaran ia terbuka kepada semua," katanya.

--BERNAMA

ES AD WAT